

Warga Bangladesh dikenali pasti

SERDANG - PDRM mengenal pasti warga Bangladesh dipercayai terlibat sindiket yang memainkan

KLIA BOLOS

peranan menguruskan penyeludupan buruh haram warga Bangladesh di negara ini, melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tanpa mendedahkan identiti suspek terlibat, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, ia susulan penahanan beberapa ahli sindiket berkenaan yang beroperasi di Bangladesh dan ibu negara bagi membantu siasatan.

“PDRM membuat kajian kegiatan menyeludup warga asing dari Bangladesh ini sejak setahun lalu yang difokuskan di KLIA dan terdapat tiga sindiket memainkan peranan masing-masing iaitu sindiket di Bangladesh, berperanan mengumpul rakyatnya di sana, manakala sindiket di KLIA memudahkan cara mereka masuk, serta satu lagi jadi penerima.

“Modus operandi sindiket itu, mereka akan uruskan apa juga cara untuk masuk ke negara ini termasuk berhubung dengan sindiket memudahkan kemasukan mereka, beri rasuah dan sebagainya kerana mereka hanya akan menghadapi masalah memasuki ke negara ini melalui pintu masuk,” katanya pada sidang media Kejohanan Endurance Tan Sri Khalid Abu Bakar di Pusat Equine, Universiti Putra Malaysia, semalam.

Beliau berkata, PDRM ketika ini sedang memantau kemasukan warga asing di KLIA dan tidak menolak kemungkinan akan menahan beberapa lagi dalang sindiket berkenaan, selepas ini.

Baru-baru ini, sebuah akhbar tempatan mendedahkan buruh haram warga Bangladesh diseludup masuk ke negara ini melalui KLIA setiap hari dan diuruskan empat sindiket besar beroperasi di Kuala Lumpur dan Dhaka, Bangladesh.